

19.4.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAPP dan PBAHB.

## KERJA-KERJA AIR APRIL 2025 AKAN MEMBOLEHKAN PENGEPAMAN AIR LEBIH 50 JLH DARI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA

PULAU PINANG, Sabtu, 19.4.2025: PBAPP merancang untuk mengepam lebih banyak air dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke Pulau Pinang dengan siapnya 3 projek kerja air utama pada 26.4.2025.

3 projek utama adalah:

1. Pembaikan saluran paip 700mm bocor dan 6 kerja naik taraf rumah pam di LRA Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU);
2. Penggantian injap 1.2m yang rosak di saluran paip di Jalan Pengkalan Tambang, berhampiran LRA Sungai Dua; dan
3. Kerja-kerja penyambungan akhir untuk Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP) berukuran 1.35m di Seberang Perai Tengah (SPT).

Kerja-kerja LRA Sungai Dua akan membolehkan PBAPP mengepam jumlah air terawat yang lebih banyak pada tekanan yang lebih tinggi dari LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang.

Kerja-kerja di Jalan Pengkalan Tambang akan menghalang kebocoran besar atau kejadian paip pecah apabila PBAPP mengepam lebih banyak air pada tekanan yang lebih tinggi dari LRA Sungai Dua.

Penyambungan akhir SP-RCP merupakan penyelesaian jangka panjang kepada halangan dalam saluran paip dan isu keselamatan di tapak Sungai Perai.

Dengan diameter 1.35m, SP-RCP membawa potensi untuk menyalurkan 250% lebih banyak air terawat merentasi sungai berbanding 2 saluran paip 600mm sedia ada.

Selain itu, dua saluran paip sedia ada bersaiz 600mm yang merentasi Sungai Perai dipasang pada Jambatan Ampang Jajar. Jambatan ini dibina untuk menampung beban trafik kenderaan biasa dan bukan untuk menampung beban tambahan daripada saluran paip air.

Daripada sudut keselamatan dan kebolehgunaan, SP-RCP dipasang pada struktur sokongannya sendiri kira-kira 3.31 meter di atas paras air tinggi Sungai Perai.

Pada tahun 2024, PBAPP mengepam purata sebanyak 386 juta liter sehari (JLH) air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke pulau, terutamanya ke Daerah Barat Daya (DBD) serta untuk menyokong Pelan Tindakan Empangan Air Itam (AIDAP 2024).

Berdasarkan pengiraan, PBAPP mungkin dapat mengepam 50 JLH lebih banyak air terawat dari Sungai Dua ke pulau mulai Mei 2025, apabila Loji Rawatan Air Sungai Dua beroperasi pada kapasiti optimum.

### **Manfaat utama**

Sehubungan itu, manfaat utama daripada tiga projek utama ini (dan 20 projek lain) yang akan dilaksanakan semasa Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) pada April 2025 adalah seperti berikut:

- Bekalan lebih banyak air terawat daripada LRA Sungai Dua (di Seberang Perai dan di bahagian pulau) dalam keadaan biasa;
- Tekanan bekalan air yang lebih baik di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua di SPU, SPT dan Seberang Perai Selatan (SPS) serta di Daerah Timur Laut (DTL) dan DBD di pulau;
- Pengurangan isu bekalan air terputus-putus di beberapa kejiranan hujung paip agihan (HPA) dan kawasan tinggi di SPS dan DBD;
- Masa pemulihan bekalan air yang lebih pantas berikutan SWSI dan gangguan bekalan air tidak berjadual (UWSI) pada masa hadapan yang timbul daripada kejadian tidak dijangka; dan
- Bekalan air yang lebih stabil ketika “musim puncak” (seperti perayaan) apabila penggunaan air tinggi di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua.

### **Rancang lebih awal untuk SWSI 25.4.2025**

PBAPP telah menjadualkan kerja-kerja 23 projek di 9 lokasi serentak pada 25.4.2025 SWSI untuk meminimumkan kesulitan kepada pengguna air Pulau Pinang di kawasan perkhidmatan LRA Sungai Dua.

Sekiranya semua projek ini disiapkan mengikut jadual, perkhidmatan bekalan air dapat dipulihkan mengikut jadual berikut:



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Tarikh	Masa	Perkembangan
25.4.2025 (Jumaat)	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"><li>SWSI yang melibatkan 341,708 pengguna air</li></ul>
26.4.2025 (Sabtu)	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"><li>40% pemulihan bekalan air</li><li>Seberang Perai: semua Kawasan di SPU dan SPT.</li><li>Bahagian pulau: Semua Kawasan di DTL.</li></ul>
27.4.2025 (Ahad)	10.00 malam	<ul style="list-style-type: none"><li>88% pemulihan bekalan air.</li><li>Seberang Perai: semua kawasan di SPS kecuali Kampung Sungai Baong, Kampung Wellesley, Taman Seruling Emas, Taman Widuri, Sungai Duri dan Kompleks Penjara.</li><li>Bahagian pulau: Semua kawasan di DBD kecuali Balik Pulau (Kawasan kejiranan di selatan), Gertak Sanggul, Kampung Terang, Pulau Betong dan Sungai Ara.</li></ul>
28.4.2025 (Isnin)	10.00 pagi	Pemulihan penuh bekalan air

PBAPP ingin mengingatkan semua pengguna air yang terjejas supaya merancang lebih awal dan menyimpan bekalan air yang mencukupi untuk kegunaan selama 24 jam, 48 jam atau 60 jam.

Sila layari laman Facebook PBAPP atau [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my) untuk maklumat lanjut. Kami memohon maaf atas segala kesulitan yang akan timbul.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)